

27/02/2003

Sidang di Qatar tumpu tangani konflik Palestin, Iraq

KUALA LUMPUR: Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Qatar minggu depan, akan memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai konflik Palestin dan Iraq, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang akan menghadiri sidang yang dipanggil Qatar selaku Pengerusi OIC sekarang, berkata ramai daripada 57 negara anggota OIC mahu menghadiri pertemuan di Doha itu.

Bagaimanapun katanya soal sama ada Iraq akan menyertai sidang itu bukan menjadi persoalan kerana ia boleh diteruskan selagi ada korum.

"Seperti mesyuarat ini, ada yang datang dan ada yang tidak. Selagi ada korum, mesyuarat boleh diadakan," katanya ketika ditanya mengenai kemungkinan Iraq tidak bersetuju dengan persidangan itu kerana beranggapan Qatar tidak menyokong mereka.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat tidak rasmi OIC di Dewan Tun Hussein Onn Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Pada mesyuarat tidak rasmi itu, Iraq diwakili Menteri Penerangannya, Mohamed Said Al-Sahaf. Pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang berakhir kelmarin, Iraq diwakili Naib Presidennya, Taha Yassin Ramadhan.

Mengenai konflik Palestin, Dr Mahathir berkata mesyuarat itu tidak membuat sebarang keputusan untuk menghantar pasukan bagi menyasat apa yang berlaku di sana.

Katanya, ini kerana apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengambil keputusan untuk menghantar pasukan penyasat ke Jenin, Israel tidak membenarkan.

"Kita beranggapan tiada sebab untuk Israel memberi kebenaran kepada kita ke Palestin. Oleh itu, tiada keputusan diambil untuk berbuat demikian.

"Bagaimanapun, kita akan berusaha untuk mempengaruhi Amerika bagi mempengaruhi Israel supaya menghentikan kekejaman di Palestin. Pada masa yang sama, kita juga perlu mengenal pasti apa yang Palestin ingin atau perlu lakukan bagi menghentikan kekejaman ini," katanya.

Mengenai hasil mesyuarat ke arah mengukuhkan OIC, beliau berkata fokus mesyuarat itu bukan kepada pertubuhan berkenaan, tetapi masalah yang dihadapi umat Islam memandangkan ia mesyuarat tidak rasmi.

"Pengukuhan OIC akan dibincangkan Oktober depan atau ketika perjumpaan di Qatar, Mac ini," katanya.

Bagaimanapun katanya, jika umat Islam tidak bersatu, ia akan terus menjadi lemah.

Beliau berkata, jika umat Islam tidak bertindak bersama dan sepakat dalam strategi asas, pasti satu persatu akan dicap sebagai tidak berwibawa untuk melakukan apa-apa pun.